



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD SALLEH  
TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PUTRA POINT, PELANCARAN E-LESEN DAN  
SISTEM PEMANTAUAN OSC 3.0 PUTRAJAYA**

**PUTRA POINT, TINGKAT 1, KOMPLEKS KEJIRANAN PRESINT 16, PUTRAJAYA**

**14 FEBRUARI 2019 (KHAMIS) / 10.00 PAGI**

***SALUTATIONS (akan diselaraskan dari semasa ke semasa)***

Bismillahirrahmannirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera.

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa kesyukuran ke Hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmatNya dapat kita berkumpul di dalam majlis yang amat bermakna ini bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Putra Point dan Pelancaran E-Lesen Putrajaya serta Sistem Pemantauan OSC 3.0 Putrajaya.

2. Saya mengucapkan sekalung tahniah kepada Perbadanan Putrajaya di atas penubuhan Pusat Niaga Komuniti Putrajaya atau Putra Point Putrajaya sebagai satu

inisiatif untuk melahirkan usahawan yang berdaya saing, berdikari serta dinamik justeru memperkasakan ekonomi bumiputera dalam bidang keusahawanan.

2. Syabas juga saya ucapkan kepada Perbadanan Putrajaya di atas pelancaran E-Lesen dan Sistem Pemantauan OSC 3.0 Putrajaya yang nyata lebih berinovasi bagi menambahbaik sistem penyampaian Pihak Berkuasa Tempatan.

Para hadir yang dihormati sekalian,

3. Putra Point Putrajaya adalah suatu kemudahan yang unik dan berinovasi bagi sesebuah pihak berkuasa tempatan di Malaysia. Matlamat utama pusat ini diwujudkan adalah untuk menyediakan platform bagi peserta Program Ekonomi Bumiputra (PEB) untuk mempamerkan dan memasarkan produk-produk mereka. Jika dahulu program PEB hanya memfokuskan kepada latihan-latihan yang berbentuk kemahiran perniagaan dan kini kita mengangkat program PEB setakuk ke atas lagi dengan menyediakan kemudahan lokasi berkonsepkan "*incubator*" kepada peniaga-peniaga kecil di Putrajaya.

4. Secara umumnya pusat ini menyokong kepada *home-based business* bagi warga Putrajaya yang mana aktiviti pengeluaran dijalankan di rumah manakala aktiviti pemasaran dilakukan secara berkumpulan di Putra Point ini.

5. Selain itu, Putra Point ini juga dijadikan sebagai *one stop center* bagi mendapatkan segala informasi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan di Putrajaya.

6. Putra Point dianggotai oleh peserta-peserta Program Ekonomi Bumiputra (PEB) peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya yang telah berdaftar di bawah sebuah kelab yang dikenali sebagai Kuputra.

7. Kuputra akan menguruskan operasi Putra Point manakala pihak Perbadanan Putrajaya pula akan bertindak memantau perjalanan dan *outcome* Putra Point melalui Jawatankuasa Pusat yang dianggotai oleh pihak PPj dan JK kelab.

8. Pelbagai produk dan perkhidmatan iaitu pakaian, aksesori rumah, produk makanan dan perkhidmatan spa, urutan tradisional dan lain-lain lagi yang ditawarkan di Putra Point.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Perbadanan Putrajaya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan di Putrajaya bukanlah sekadar kerajaan tempatan yang mentadbir Wilayah Persekutuan Putrajaya semata-mata, malahan perlu mengambil pendekatan *walk the extra mile* dalam menguruskan isu-isu yang diketengahkan rakyat. Input-input ini telah menjadi sumber inovasi untuk mempertingkatkan penambahbaikan perkhidmatan masing-masing.

10. Selaras dengan hasrat Perbadanan Putrajaya untuk mewujudkan bandar raya pintar, Perbadanan Putrajaya dengan itu telah membangunkan satu sistem yang dikenali sebagai Sistem Pelesenan Putrajaya atau Sistem E-Lesen Putrajaya untuk memudahkan urusan lesen perniagaan dikendalikan secara atas talian sepenuhnya termasuk proses permohonan, pembaharuan dan pemantauan lesen perniagaan di Putrajaya. Selain daripada itu para peniaga dapat mengetahui status kelulusan lesen dan membuat bayaran lesen tanpa perlu hadir ke Perbadanan Putrajaya lagi.

11. Alhamdulillah, sistem E-lesen ini telah beroperasi pada 12 Mac 2018 dan telah mencapai peratusan penggunaan pada kadar 100 peratus.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

12. Pada hari ini sebagaimana yang disebutkan di awal tadi, Perbadanan Putrajaya turut melancarkan Sistem Pemantauan OSC 3.0 Putrajaya dengan kebolehan untuk memantau status permohonan yang diterima di Kaunter Pusat Setempat (OSC) Perbadanan Putrajaya sehingga ke peringkat kelulusan, pembangunan dan pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

13. Ini menunjukkan ketelusan pihak Perbadanan Putrajaya semasa berurusan dengan semua *stakeholder* yang terlibat di dalam proses kelulusan pelan sehingga ke CCC.

14. Sebagai contoh, pihak pengurusan dan urus setia OSC boleh melihat sendiri melalui *dashboard* tentang agensi mana yang lewat membuat ulasan dan lewat memberikan sokongan kelulusan. Berdasarkan maklum balas pengguna, sistem ini

bersifat *user friendly* dan boleh diakses secara *web base* serta *mobile phone* yang mempunyai capaian internet seperti *Android, i-Phone, i-Pad* dan seumpamanya.

15. Pada masa hadapan, sistem pemantauan OSC 3.0 ini dicadangkan untuk dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Labuan (PL).

16. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengesahkan Perbadanan Putrajaya adalah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang pertama membangunkan sistem seumpama ini. Sistem ini juga akan dijadikan asas oleh KPKT untuk membangunkan Sistem OSC 3 Plus Online yang boleh diguna pakai oleh semua PBT seluruh semenanjung Malaysia kelak.

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Perbadanan Putrajaya yang telah berjaya merealisasikan pelbagai perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat Putrajaya dalam mensejahterakan Putrajaya.

18. Dengan Lafaz BISMILLAHIRAHMANIRAHIM saya merasmikan Putra Point, E-Lesen dan Sistem Pemantauan OSC 3.0 Putrajaya.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala, Wabarakatuh.